

12/01/2000

PM lawat Perancis 29 Januari

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan singkat ke Paris pada 29 Januari ini untuk bertemu dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac bagi membincangkan hal mengenai hubungan dua hala dan antarabangsa.

Selain lawatan ke Perancis, Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan ketua-ketua pemimpin ekonomi dunia semasa menghadiri Forum Ekonomi Dunia dari 27 Januari hingga 1 Februari di Davos, Switzerland.

Dr Mahathir akan menghadiri forum itu semasa lawatan kerja beliau selama seminggu ke Davos bermula 27 Januari ini, menurut satu kenyataan pejabat Perdana Menteri hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir akan bercuti selama dua minggu di luar negara bermula esok hingga 26 Januari.

Beliau yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan berada di Argentina dan di Kepulauan Caribbean semasa cuti dua minggu itu, kata kenyataan itu.

Dalam forum ekonomi di Davos, Dr Mahathir akan menyampaikan ucap utama serta menyertai satu dialog budaya antara ketua-ketua negara dan kerajaan Islam dengan ketua-ketua negara dan kerajaan beberapa negara Barat.

Selain Dr Mahathir, pemimpin negara Islam yang menyertai dialog itu ialah Raja Jordan, Presiden Mesir dan Presiden Indonesia.

(END)